



AMARINA (kanan) menjadi tonggak utama skuad CHC dalam saingan Liga Hoki Sepanyol.



FAZILLA (kiri) membuktikan kehebatannya sebagai pemain penyerang selepas menjaringkan 25 gol pada penampilan pertama dalam Liga Hoki Sepanyol.

Fazilla, Amarina serasi di Sepanyol



Oleh NOR AZIRAN YUNUS
aziran.yunus@kosmo.com.my

DUA pemain hoki wanita negara, Fazilla Sylvester Silin dan Siti Amarina Ruhaini yang 'berkelana' di Sepanyol ketika ini dilihat mampu membawa sinar baharu buat skuad hoki wanita negara.

Fazilla serta Siti Amarina yang kedua-duanya berusia 26 tahun 'terbang' ke Sepanyol pada September tahun lalu bagi mewakili Castelldefels Hockey Club (CHC) yang bersaing dalam Liga Hoki Sepanyol (SHL) dan mereka berjaya mengharungi kehidupan dengan sempurna di sana.

Langkah berani dua pemain wanita itu wajar dipuji kerana sanggup berkelana ke luar negara bagi mendapat pendedahan lebih tinggi dalam karier mereka bagi memastikan tahap permainan pasukan hoki wanita kebangsaan sebanding dengan jaguh-jaguh dunia yang lain.

Jurulatih pasukan CHC, Juan Manuel Mas Ortiz, 42, berkata, dia telah membuat keputusan yang tepat menandatangani dua pemain wanita kebangsaan itu kerana dengan pengalaman serta bakat mereka di peringkat antarabangsa, Fazilla dan Siti Amarina telah banyak menyumbang kepada kejayaan kelab itu setakat ini.

Kata Ortiz, saingan liga musim ini yang sudah sampai ke penghujung musim menyaksikan CHC muncul naib juara liga Divisyen Dua, sekali gus layak ke saingan Divisyen Satu musim depan.

"Saingan liga hoki di Sepanyol musim depan akan bermula pada Oktober 2013 hingga Mei 2014 dan



CASTELDEFELS Hockey Club muncul naib juara saingan Divisyen Dua Liga Hoki Sepanyol musim ini bagi membolehkan mereka beraksi dalam Divisyen Satu musim depan.

saya tiada masalah untuk memanggil semula Fazilla dan Amarina tetapi saya tahu mereka perlu menamatkan pengajian terlebih dahulu.

"Amarina merupakan tonggak pertahanan pasukan kami dan dia juga sangat bagus dalam pukulan sudut penalti manakala Fazilla merupakan penyerang yang telah menjadi sebutan di sini (Sepanyol) kerana dia telah menjaringkan 25 gol pada musim ini serta bergandingan pula dengan Lara Domenech," kata Ortiz.

Menurut Ortiz, beliau telah berbincang dengan kedua-dua pemain itu untuk menyambung kontrak bagi musim depan, namun tetap menghormati keputusan mereka yang mahu menyelesaikan pengajian yang tertangguh terlebih dahulu.

"Saya juga akan menghubungi pihak MHC (Konfederasi Hoki Malaysia) bagi mengenal pasti beberapa pemain wanita lain untuk menyertai SHL musim depan.

"Hubungan baik saya dengan MHC itu akan menjadi pemangkin

dalam pembangunan sukan ini bagi kedua-dua belah pihak dan saya berjanji kerjasama ini akan terus kekal bagi memberi manfaat kepada semua," kata Ortiz yang juga bekas jurulatih skuad hoki Singapura.

Sementara itu, menurut Amarina, dia telah mendapat banyak pengalaman berharga ketika bermain dalam liga profesional di Sepanyol.

"Di Sepanyol terdapat banyak kelab hoki wanita dan terlalu ramai pemain yang berbakat.

"Saya juga berharap Malaysia mampu menganjurkan satu liga hoki bagi wanita dalam usaha mempertingkatkan tahap permainan skuad wanita negara," kata Amarina yang merupakan pelajar Ijazah Sarjana Muda Pendidikan Fizikal di Universiti Putra Malaysia (UPM) dan berasal dari Pulau Pinang.

Fazilla yang berasal dari Mukah, Sarawak pula berkata, cabaran terbesar buat mereka sepanjang berada di Sepanyol tentunya bahasa serta pemakanan.

"Saya masih belajar memahami



AMARINA (kanan) menimba banyak pengalaman sepanjang beraksi dalam Liga Hoki Sepanyol.

beberapa perkataan yang penting untuk digunakan sebagai komunikasi semasa bermain, namun perkara itu tidak melemahkan semangat saya.

"Setiap cabaran itu akan me-

matangkan lagi diri kita dan bagi saya untuk mengejar kejayaan bukan mudah seperti disangka dan jika tidak mencuba, kita tidak akan ke mana-mana," kata Fazilla lagi.